

Anwar mahu LHDN buru individu, syarikat culas bayar cukai

Cyberjaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) memburu individu atau syarikat yang cuba mencari helah untuk terlepas daripada membayar cukai.

Perdana Menteri berkata, berkata LHDN perlu memantapkan peranan dan tanggungjawabnya agar prestasi kutipan hasil negara terus meningkat.

“Ini sebagai dorongan, selagi saya diberi amanah pimpin kerajaan ini, saya mahu rakyat sama ada kecil atau maha kaya tunduk kepada hukum (undang-undang) dan tidak terlepas daripada membayar cukai.

“Saya beri gesaan ini supaya jangan ada orang fikir sama ada kenalan saya atau tidak, penyokong saya atau tidak, cukai wajib bayar dan LHDN wajib menggeledah dan cari helah (elak. bayar cukai),” katanya pada majlis perasmian Sambutan Hari Hasil Ke-27, di sini, malam kelmarin.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Seri Ahmad Maslan dan Ketua Pegawai Eksekutif LHDN, Datuk Dr Mohd Nizom Sairi.

Pengaruhi hasil negara

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, sekiranya usaha itu dapat dilaksanakan dengan baik, maka prestasi hasil negara akan terus meningkat, malah lebih baik daripada tahun sebelumnya.

Mengimbau ketika menjawat jawatan Menteri Kewangan pada 1990-an, beliau berkata, Jabatan Hasil Dalam Negeri ketika itu, sebelum dinaik taraf kepada LHDN berdepan kesukaran untuk mengutip cukai terutama daripada tokoh besar termasuk VVIP utama yang enggan membayar cukai.

“Saya kata agak aneh, negara yang merdeka berdaulat mempunyai peraturan dan hukum, boleh golongan ‘maha kaya’ enggan membayar (cukai).

“Jadi saya pun keluarkan kenyataan Jabatan Hasil Dalam Negeri masa itu, bahawa saya adalah di sebelah pegawai jabatan untuk memastikan tanpa kecuai orang yang wajib membayar cukai mesti laksanakan.

“Saya berpuas hati walaupun saya menghadapi kesukaran kerana memberi amaran begitu, prestasi LHDN selepas itu jauh bertambah baik.

“Orang yang dulunya enggan (bayar cukai) sebahagian besar mengaku kalah dan terus mematuhi peraturan,” katanya.

Perdana Menteri juga berkata, beliau mahu perubahan terutama dalam membebaskan lebih 130,000 orang daripada kemiskinan tegar tahun ini.

“Tahun ini kita mulakan gerakan supaya anak kita di sekolah tidak pergi sekolah dengan tandas rosak...sebab itu saya ambil ketetapan tahun ini belanja RM1 bilion untuk sekolah dan klinik daif,” katanya.